

Cara paling murah bina jeti dikaji

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman B.H = 6 JUL 1992

KUALA KEDAH, Ahad — Satu kajian akan dijalankan mengenai perbelanjaan untuk membina jeti di kawasan tanah berlumpur di sepanjang Pantai Barat Semenanjung, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kajian berkenaan bertujuan mengenal pasti perbelanjaan yang paling murah untuk membina kemudahan jeti berlabuh bagi semua jenis bot penumpang dan nelayan.

Menurutnya, kajian itu merangkumi kemungkinan pembinaan jeti terapung, menimbus keseluruhan kawasan yang berlumpur bagi membina jambatan dan jeti atau hanya menimbus kawasan yang akan didirikan tiang jambatan.

"Kajian itu perlu bagi mengenal pasti kaedah yang paling murah untuk menjimatkan perbelanjaan kerana kawasan pantai yang berlumpur di negara kita terlalu luas.

"Sesetengah keluasan kawasan berlumpur sehingga lapan kilometer

dan ini memerlukan perbelanjaan besar untuk membina jeti terapung atau menimbus," katanya kepada pemberita selepas meninjau projek ujian pembinaan jeti terapung di sini, hari ini.

Projek ujian itu dilaksanakan oleh Construction Products Sdn Bhd, menerusi Berjaya Corporation Bhd.

Turut mengiringi Perdana Menteri ialah, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Datuk Zakaria Said serta Datuk Syed Abdul Razak Syed Zain, Ketua Esekutif Berjaya Corporation, Tan Sri Vincent Tan.

Perdana Menteri berkata, jeti yang lebih sempurna diperlukan, tetapi kawasan berlumpur di kawasan Pantai Barat Semenanjung memerlukan kajian teliti bagi menjimatkan banyak perbelanjaan.

"Kebanyakan tiang jeti yang ada sekarang dibina daripada batang pokok nibung. Ini sudah tidak sesuai dan kadangkala ada

penumpang yang jatuh.

"Walaupun perbelanjaannya murah, namun ia perlu dibaiki selalu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan perlu melihat hasil kajian yang akan dilaksanakan oleh Berjaya Corporation bagi membandingkan perbelanjaan pembinaan jeti terapung atau jeti biasa.

Katanya, jika pembinaan jeti terapung didapati sesuai, kerajaan mungkin melaksanakannya bagi kegunaan penumpang, nelayan serta sektor swasta.

Menurutnya, pembinaan jeti terapung itu juga mungkin membabitkan kerjasama pihak swasta.

Sementara itu, Pengarah Urusan Construction Products Sdn Bhd, Emmanuel N Niotis memberitahu pemberita, pembinaan jeti terapung yang menggunakan teknologi Britain di kawasan berlumpur cukup menjimatkan dan sudah berjaya dilaksanakan di beberapa negara di Eropah dan Afrika.